

22 JUL 2001

Mahathir-Perubahan

ORANG MELAYU PERLU UBAH BUDAYA JIKA MAHU BERJAYA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Orang Melayu perlu mengubah budaya mereka jika mahu berjaya dan mengembalikan kemegahan mereka dalam mempertahankan maruah bangsa Melayu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya telah banyak belajar daripada sejarah. Selepas menganalisa kejayaan dan kegagalan pelbagai kaum di dunia, saya mendapati kita tidak akan berjaya selagi kita tidak mempunyai nilai-nilai yang tidak dapat menyokong atau tidak sesuai bagi pembangunan," katanya.

"Nilai-nilai hidup adalah sebahagian daripada budaya dan inilah sebab mengapa saya berulang kali menekankan perlunya disiplin, usaha gigih, kejujuran dan perlunya menyetepikan kepentingan peribadi.

"Inilah nilai-nilai yang kita perlu berpegang kepada. Jika kita terima nilai-nilai ini kita sudah pasti akan berjaya," kata beliau dalam satu temubual bersama akhbar New Straits Times yang disiarkan hari ini.

Beliau berkata, jika nilai-nilai orang Melayu dibandingkan dengan masyarakat Cina, kita akan dapati orang Cina lebih rajin dan realiti ini mesti diterima oleh semua.

"Ia bukan kerana orang Melayu tidak boleh berbuat demikian. Mereka tidak mahu berusaha gigih dan tidak membuat perkara-perkara yang mereka harus buat. Ada kalanya saya sedih dengan sikap ini.

"Bagi sebahagian daripada kita, jika orang Cina rajin, ia memang begitu kerana mereka orang Cina. Apa salahnya dengan mencontohi mereka dan berusaha gigih seperti mereka," kata beliau lagi.

Perdana Menteri berkata, jika orang Melayu mengubah budaya mereka ia tidak akan menjadikan mereka kurang Melayu tetapi mereka akan mencapai kejayaan jika mereka mengubah budaya mereka sekarang.

"Mereka (orang Melayu) mencari jalan mudah. Sebab itulah kita mempunyai bilangan pekerja asing yang besar - sebab kita suka jalan mudah," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika tahap perlindungan yang diberikan kepada orang Melayu dikurangkan, mereka akan gagal sama sekali memandangkan kelemahan mereka tetapi sementara kerajaan menyediakan perlindungan ini ia juga mahukan orang Melayu berdikari.

Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata, walaupun orang Melayu telah diingatkan ulang kali, budaya orang Melayu terus merosot.

"Dahulunya Umno bebas daripada politik wang, tetapi bukan lagi. Kita telah jelaskan yang politik wang akan memusnahkan mereka dan mana-mana kaum yang korup akan musnah dan akan kehilangan kebebasan kita."

"Kita menjelaskan...Saya merayu, saya menangis, saya berdoa, saya berbuat apa sahaja yang boleh...ia tidak berubah. Mereka berhujah, apa salahnya hanya mengambil RM10? Ia menyedihkan. Jika mereka mengambil RM1 juta dan menjual hak mereka, itu lain tetapi mereka menjual hak mereka untuk RM10 sahaja," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, orang Melayu harus muncul dengan budaya baru dengan kekuatan dalaman dan pertahanan yang utuh.

Jika orang Melayu mengubah budaya mereka dan menganggap rasuah sebagai perbuatan keji serta hina dan mereka berusaha untuk menolaknya, maka mereka akan berjaya.

Beliau berkata itulah sebab mengapa beliau meminta penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan.

"Malangnya hari ini, apabila kita meminta mereka mengajar nilai-nilai Islam di pejabat-pejabat kerajaan, selain daripada fardu ain, mereka

memengaruhi yang lain dengan berkata kerajaan kurang Islam kerana kita tidak laksana hukum hudud dan mereka bersalah kerana tidak menentang kerajaan yang tidak melaksanakan hukum hudud," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak bersetuju yang kesedaran Islam di kalangan orang Melayu semakin meningkat kerana ia hanya di luar sahaja tetapi bukan dari dalam dan kukuh.

Banyak perkara dalam Quran yang boleh membantu masyarakat tetapi "ramai daripada kita lebih suka menumpukan pada hal-hal remeh."

Beliau berkata, sementara Quran mengajar mengenai seluruh kehidupan seperti bagaimana untuk bertingkah laku dan bagaimana untuk menghadapi musuh, ada pula yang mengajar orang Islam untuk membenci yang lain yang dianggap sebagai bukan Islam.

"Jika kita dapat berpegang kepada ajaran sebenar Islam, Insyaallah kita akan capai kejayaan yang sama seperti kaum Jahilliyah (selepas mereka memeluk Islam)," kata beliau.

Beliau berkata, ini berlaku kerana mereka semakin taksud dengan politik dengan mereka tidak mengendahkan apa yang berlaku pada orang Melayu selagi mereka mendapat pengaruh, walaupun dengan mensalah tafsir Quran untuk mendapatkan pengaruh itu.

Beliau berkata, juga terdapat golongan tertentu yang tidak menghiraukan ajaran sebenar Islam untuk menumpukan pada hal-hal politik.

"Kami mendapati ada antara ajaran agama yang sebenarnya tidak mengajar agama. (Dalam kes tertentu) guru meminta muridnya untuk meletakkan sebuah pinggan di atas kertas putih dan melukis bulatan dan mewarnakannya hijau dan ia menjadi simbol PAS," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SR DC PR